

TAKAFULINK DANA ASIA


All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Asia aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant securities in the Asia Pacific ex-Japan region including Malaysia.

Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund	97.31
2 Cash, Deposits & Others	2.69

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	10/05/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM2,845,571.64
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM0.88907

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Asia Vs. 30% FTSE Bursa Malaysia EMAS
Shariah Index (FBMS) + 70% MSCI AC Asia ex
Japan Islamic Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.04%	-4.51%	-4.45%	-10.15%	-6.26%	NA	-11.09%
Benchmark / Penanda Aras	1.35%	-2.88%	-9.82%	-13.74%	-5.60%	NA	-12.18%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-1.39%	-1.63%	5.37%	3.59%	-0.66%	NA	1.09%

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.04% for the month, underperforming the benchmark return of 1.35% by 1.39%. Year-to-date, The Fund returned -4.51%, underperforming the benchmark return of -2.88% by 1.63%. The US tariff hikes were higher than expected and could lead to weaker global growth. The optimistic view is that tariffs are a negotiating tactic intended to pave the way for an extension of the Tax Cuts and Jobs Act. But the Trump administration may also want to rewire global trade practices. With the export outlook becoming more difficult, China's domestic economy will have to pick up the slack. Policies to boost consumption and revive the private sector are more probable now that China has retaliated to US's tariffs. The Target Fund Manager have preference for domestic-oriented stocks and are positioned in the areas of e-commerce, cloud, electric vehicles and travel. Elsewhere, they have moderated their positions in Taiwan technology and Japan industrial, whereby global growth or tariffs can be an issue. In India, they need to see more signs of corporate-level growth improvement to turn more positive. However, from a portfolio perspective, the Target Fund Manager have incrementally added to India as it offers some insulation against the tariff situation compared to other Asian countries. They favor areas such as cement, selected two and four-wheelers and hospitals. In the coming months, they can look forward to RBI's continued monetary easing, income tax reliefs from April onwards, and easing commodity prices (e.g. crude oil) as catalysts for a more favorable India outlook. Malaysia's manufacturing sector improved markedly in February with a PMI reading of 49.7pts vs. 48.7pts in the previous month and was the highest reading since August 2024. That said, several respondents are still seeing challenging business conditions. Employment was scaled back fractionally, while cost inflation remains subdued and allowed firms to reduce selling prices for the second consecutive month. The latest PMI data suggests modest growth in GDP for 1Q25 sustaining the trend seen in 2H24. To recap, Malaysia's GDP grew by 5.0% in 4Q24 and 5.1% for 2024. BNM projects GDP to grow by 4.5 - 5.5% in 2025. BNM maintained OPR at 3.00% during the recent MPC meeting and the Target Fund Manager expect the central bank to hold rates steady given muted inflation and modest economic growth. Elevated volatility likely persists due to uncertainties on the Trump administration and policies. There was a widespread decline across various markets and Malaysia was not spared. For Malaysia, the Target Fund Manager remain constructive on defensive sectors and quality names as they selectively deploying cash that were raised earlier. They believe improved political stability, stronger earnings growth prospects and higher domestic investments would keep the market afloat. Key catalysts are domestic fiscal reforms, surge in investments and elevated domestic liquidity. Key risks are the derailment of Malaysia's macroeconomic recovery and corporate earnings growth due to the larger-than-expected impact of rising inflation, slower global economic growth, and heightened geopolitical risk. For regional, they trimmed positions in selected global technology stocks with the risk-off sentiment and have partially deployed the proceeds to a few ideas in China and India in the areas of consumer staples and automotive.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -0.04% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 1.35% dengan perbezaan 1.39%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memulangkan -4.51%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -2.88% dengan perbezaan 1.63%. Kenaikan tarif AS lebih tinggi daripada jangkaan dan boleh membawa kepada pertumbuhan global yang lebih lemah. Pandangan optimistik bahawa tarif merupakan taktik rundingan yang bertujuan untuk membuka jalan buat lanjutan Akta Pemotongan Cukai dan Pekerjaan. Tetapi pentadbiran Trump juga mungkin mahu menyusun semula amalan perdagangan global. Dengan prospek eksport yang semakin sukar, maka ekonomi domestik China perlu mengatasinya. Dasar untuk menggalak penggunaan dan menyubur sektor swasta lebih berkemungkinan sekarang kerana China telah bertindak balas terhadap tarif AS. Pengurus Dana Sasaran memberi keutamaan kepada stok berorientasikan domestik dan ditentu duduk dalam bidang e-dagang, awan, kenderaan elektrik dan perjalanan. Di tempat lain, pengurus telah menyederhanakan kedudukan dalam teknologi Taiwan dan perindustrian Jepun, yang mana pertumbuhan global atau tarif boleh menjadi kekangan. Di India, lebih banyak tanda peningkatan pertumbuhan peringkat korporat perlu dilihat agar menjadi lebih positif. Namun begitu dari perspektif portfolio, Pengurus Dana Sasaran telah menambah pegangan di India sedikit demi sedikit kerana ia menyediakan suatu penebat terhadap situasi tarif berbanding negara Asia yang lain. Pengurus menggemari bidang seperti simen, kenderaan beroda dua dan empat yang tertentu serta hospital. Dalam beberapa bulan akan datang, mereka boleh mengalu-alukan pelonggaran monetari RBI yang berterusan, pelepasan cukai pendapatan mulai April dan pengurangan harga komoditi (contohnya minyak mentah) sebagai pemangkin buat prospek India yang lebih cerah. Sektor pembuatan Malaysia bertambah baik begitu ketara pada Februari dengan bacaan PMI 49.7 mata berbanding 48.7 mata pada bulan sebelumnya dan merupakan bacaan tertinggi sejak Ogos 2024. Namun begitu, beberapa responden melihat keadaan perniagaan masih mencabar. Pekerjaan mengecil secara pecahan, manakala inflasi kos kekal lemah lalu membolehkan firma mengurangkan harga jualan bagi bulan kedua berturut-turut. Data PMI terkini mencadangkan pertumbuhan sederhana KDNK1Q25 akan mengekalkan arah aliran yang dilihat pada 2H24. Sebagai imbasan, KDNK Malaysia meningkat sebanyak 5.0% pada 4Q24 dan 5.1% bagi tahun 2024. BNM mengunjurkan KDNK akan mengembang 4.5-5.5% pada 2025. BNM mengekalkan OPR 3.00% sewaktu mesyuarat MPC baru-baru ini manakala Pengurus Dana Sasaran menjangkakan bahawa bank pusat akan mengekalkan kadar pertumbuhan yang stabil memandangkan inflasi yang mendatar di samping pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Volatiliti yang semakin tinggi mungkin akan berterusan disebabkan oleh ketidaktentuan pentadbiran dan dasar Trump. Penurunan yang meluas dialami pelbagai pasaran dan Malaysia tidak terkecuali. Pengurus Dana Sasaran masih konstruktif ke atas Malaysia, melibatkan sektor pertahanan dan saham berkualiti kerana wang tunai yang diperoleh lebih awal dibelanjakan secara berhemat. Pengurus percaya bahawa kestabilan politik yang lebih baik, prospek pertumbuhan pendapatan yang lebih kukuh dan pelaburan domestik yang lebih tinggi akan menyokong pasaran. Pemangkin utama ialah pembaharuan fiskal domestik, lonjakan pelaburan dan kecairan domestik yang mengucur. Risiko utama ialah kegelinciran pemulihan makroekonomi Malaysia dan pertumbuhan pendapatan korporat lantaran oleh kesan kenaikan inflasi yang lebih besar daripada jangkaan, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan peningkatan risiko geopolitik. Meninjau serantau, pengurus mengurangkan kedudukan dalam sebilangan stok teknologi global dengan sentimen penghindaran risiko dan sebahagian dari hasil disalurkan kepada idea pelaburan dalam bidang pengguna asasi dan automotif di China dan India.

Source / Sumber: Fund Commentary, March 2025, Principal Asset Management Berhad

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara halaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL